

# Yang di-Pertuan Agong rasmi bangunan *MM 19/11/06* Canseleri UiTM

SHAH ALAM 18 Nov.- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail malam ini berangkat merasmikan Bangunan Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin, Universiti Teknologi Mara (UiTM) di sini.

Turut hadir ialah Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid.

Bangunan Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin itu dinamakan sempena nama Baginda bagi mengenang jasa Yang di-Pertuan Agong itu sebagai Canselor UiTM selama lima tahun.

Bangunan itu yang mula dibina pada 2002 dan siap sepenuhnya pada Januari 2005, merupakan mercu tanda UiTM yang menempatkan pengurusan tertinggi universiti itu.

Tuanku Syed Sirajuddin akan menamatkan perkhidmatan Baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong pada Disember ini dan akan digantikan dengan Sultan Terengganu Sultan Mizan Zainal Abidin.

Seri Paduka Baginda berdua kemudiannya diraikan pada satu majlis makan malam perpisahan.

Menteri Pengajian Tinggi Datuk Mustapa Mohamed dan Menteri Besar Datuk Seri Dr. Mohamad Khir Toyo, turut hadir.